

Soalan No: 55

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]**  
**TARIKH : 31.7.2017**  
**SOALAN :**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) status terkini mengenai pemindahan SJK (C) Ladang Ulu Kanchong di Negeri Sembilan; dan
- (b) apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan Kerajaan menanggung semua kos pemindahan dan pembangunan sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ladang Ulu Kanchong Rantau telah diberi kelulusan perpindahan ke tapak baharu di Lot 35 963 Forest Height, keluasan 5.1 ekar, Mukim Ampangan Seremban oleh Menteri Pendidikan pada 10 Januari 2012. Atas sifatnya sebagai sekolah bantuan kerajaan (SBK), pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) bertanggungjawab menanggung kos pemindahan dan pembangunan sekolah ini. Namun,

permohonan pembinaan sekolah tersebut tertangguh kerana jumlah dana yang dikumpulkan tidak mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus seperti yang ditetapkan oleh KPM.

KPM sedia berbincang setelah LPS sekolah tersebut berjaya menyediakan dana yang mencukupi serta mengemukakan permohonan untuk pembiayaan pembangunan.

RJM47

**SOALAN ( 56 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 31 JULAI 2017  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN  
MOHAMAD HANADZLAH  
[TAMBUN]**

**SOALAN :**

**YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa bilangan ahli keluarga di bawah B40 dan unjuran pada tahun 2020, 2030 dan 2040. Apakah asas unjuran tersebut.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014, anggaran jumlah isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) di seluruh negara adalah seramai 2.7 juta. Berasaskan purata 4.3 orang bagi setiap isi rumah, jumlah ahli isi rumah atau ahli keluarga melibatkan kira-kira 11.6 juta orang.

Berdasarkan **unjuran** penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dengan **andaian** purata bagi setiap isi rumah kekal pada 4.3 orang, bilangan ahli isi rumah B40 pada tahun 2020, 2030 dan 2040 dijangkakan seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan isi rumah B40</b>	<b>Bilangan ahli isi rumah B40</b>
2020	2.8 juta	12.1 juta orang
2030	3.2 juta	13.8 juta orang
2040	3.5 juta	15.1 juta orang

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan UPE, JPM.*

Sekian. Terima kasih.

31 Julai 2017